



## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN GURU TAKMIR DI INSTITUSI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN GURU TAKMIR DI INSTITUSI  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan Pengurusan Guru Takmir di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dikeluarkan untuk rujukan dan panduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN), Institusi Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi memastikan aspek pematuhan dalam pengurusan dan pelaksanaan Program Takmir di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program Takmir Masjid dan Surau telah bermula sejak tahun 1985 susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1984.
- 2.2 Program ini berperanan untuk mengimarahkan masjid dan surau sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan di samping memberi kefahaman agama bagi melahirkan masyarakat bertakwa serta mengamalkan ajaran Islam menurut metodologi Ahli Sunnah wal Jamaah.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia Bil.

1/2020 pada 17 November 2020 telah bersetuju agar program ini diperluaskan pelaksanaannya di Institusi Kebajikan Masyarakat.

### **3. PUNCA KUASA**

Garis Panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (MJKDJKM) Bil. 1/2022.

### **4. OBJEKTIF**

Objektif bagi pelaksanaan Program Takmir di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

- (i) Membantu mempertingkatkan kualiti pemahaman agama dalam kalangan klien Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berada di Institusi Kebajikan Masyarakat antaranya kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas dan orang papa;
- (ii) Membantu proses pemulihan dan pembangunan elemen rohani dalam diri dalam kalangan klien Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berada di Institusi Kebajikan Masyarakat antaranya kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas dan orang papa; dan
- (iii) Mewujudkan kerjasama strategik antara Institusi Kebajikan Masyarakat dan institusi agama dalam meningkatkan potensi

serta kemahiran Guru Takmir menyampaikan dakwah kepada kumpulan sasaran khas.

## **5. KUMPULAN SASAR**

- 5.1 Kumpulan sasar yang akan terlibat dalam Program Takmir di Institusi Kebajikan Masyarakat adalah kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas dan orang papa.
- 5.2 Kategori kumpulan sasar tersebut berdasarkan pecahan institusi adalah seperti di **Lampiran A**.

## **6. PENYELARAS PROGRAM TAKMIR**

- 6.1 Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Ketua Institusi hendaklah melantik dua (2) orang (seorang penyelaras dan seorang pembantu penyelaras) bagi menyelaras semua urusan berkaitan Program Takmir di Institusi.
- 6.2 Senarai Tugas Penyelaras Program Takmir adalah seperti di **Lampiran B**.

## **7. PERATURAN MENGADAKAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Ketua Institusi hendaklah memastikan Guru Takmir:

- (i) diberikan taklimat khas berkenaan peraturan-peraturan di institusi;
- (ii) hendaklah mematuhi waktu bertugas yang telah ditetapkan;
- (iii) dihadkan di dalam kawasan institusi kecuali di kawasan yang melibatkan tempat Program Takmir diadakan sahaja;
- (iv) tidak membawa masuk atau membawa keluar barang-barang larangan seperti minuman beralkohol, bahan tembakau, dadah dan seumpamanya;
- (v) tidak membuat apa-apa bentuk hubungan yang tidak berkaitan dengan mana-mana penghuni selain hubungan guru dan murid sahaja;
- (vi) mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan pengurusan institusi kebajikan;
- (vii) tidak menjalankan sebarang aktiviti yang memberi keuntungan kepada individu tertentu seperti berniaga atau perkara seumpamanya;
- (viii) tidak melakukan kekasaran kepada penghuni seperti memukul, menumbuk, menampar atau apa-apa bentuk kekerasan pada tubuh penghuni;

- (ix) tidak merakam percakapan atau imej penghuni menggunakan apa-apa juga peralatan tanpa kebenaran;
- (x) tertakluk kepada arahan dan tatacara kawalan yang ditetapkan oleh pengurusan institusi sepanjang tempoh berada di institusi berkenaan;
- (xi) menyampaikan kandungan pengajaran mengikut bidang yang diluluskan oleh JAKIM sahaja;
- (xii) menyampaikan kandungan pengajaran bertepatan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (xiii) menyampaikan kandungan pengajaran tanpa menyebarkan apa-apa ajaran lain yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah sama ada melalui bahan elektronik atau bahan bercetak;
- (xiv) menyampaikan kandungan pengajaran tanpa membincangkan perkara-perkara perbezaan pandangan (*khilafiyah*) yang boleh mengelirukan penghuni Institusi Kebajikan Masyarakat dan menggugat perpaduan umat Islam;
- (xv) menyampaikan kandungan pengajaran yang tidak menyentuh berkaitan kesucian agama lain, sensitiviti perkauman, isu-isu politik kepartian, perkara-perkara bersifat anti kerajaan atau apa-apa yang boleh menjelaskan keharmonian kehidupan bermasyarakat di Malaysia;

- (xvi) mengajar dengan penuh ikhlas dan kesungguhan serta meletakkan kepentingan awam melebihi kepentingan peribadi;
- (xvii) merekod kehadiran dan ringkasan mengajar bagi setiap sesi kelas dalam Buku Ringkasan Mengajar yang disediakan;
- (xviii) dipantau oleh seorang pegawai petugas institusi sepanjang Program Takmir berjalan bagi tujuan pemantauan dan pengawasan.

## **8. JADUAL KELAS**

- 8.1 Pelaksanaan Program Takmir perlu mengikut kesesuaian jadual institusi sama ada pagi, petang atau malam.
- 8.2 Cadangan Jadual Pelaksanaan Program Takmir Institusi Kebajikan Masyarakat adalah seperti di **Lampiran C**.

## **9. PEMBATALAN DAN PENUNDAAN PROGRAM TAKMIR**

- 9.1 Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat boleh menarik balik kelulusan mengadakan Program Takmir sekiranya Guru Takmir tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- 9.2 Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat boleh dengan budi bicaranya untuk menunda atau membatalkan kelas yang dijadualkan

pada hari-hari tertentu setelah mengambil kira aspek-aspek yang difikirkan wajar.

## **10. KAEDEH BAYARAN ELAUN GURU TAKMIR**

- 10.1 Bayaran elaun Guru Takmir adalah diuruskan oleh JAKIM yang diselaraskan melalui JAIN.
- 10.2 Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat hendaklah mengesahkan dokumen kehadiran yang dikemukakan kepada Guru Takmir berkenaan setiap sesi kelas.
- 10.3 Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat hendaklah mengesahkan catatan sebab penangguhan atau pembatalan kelas di dalam Buku Ringkasan Mengajar.

## **11. BUKU RINGKASAN MENGAJAR**

- 11.1 Guru Takmir hendaklah merekod kehadiran dan ringkasan mengajar bagi setiap sesi kelas dalam Buku Ringkasan Mengajar yang disediakan.
- 11.2 Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat hendaklah menandatangani dan mengesahkan butiran di dalam Buku Ringkasan Mengajar.
- 11.3 Buku Ringkasan Mengajar Institusi Kebajikan Masyarakat adalah seperti di **Lampiran D**.

## **12. SUMBER RUJUKAN DAN SUKATAN PROGRAM TAKMIR DI INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Sukatan pengajaran dan pembelajaran Program Takmir adalah berdasarkan kepada Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas Fardhu Ain) di Institusi Kebajikan Masyarakat seperti di **Lampiran E.**

## **13. PAKAIAN GURU TAKMIR**

Guru Takmir hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian, kemas dan bersih.

## **14. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini terpakai kepada semua Institusi Kebajikan Masyarakat.

**GARIS PANDUANINI BERKUATKUASA DARI TARikh  
DIKELUARKAN**



**(ROSMAHWATI BINTI ISHAK)**

Timbalan ~~Ketua~~ Pegarah (Strategik)

b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Tarikh : *25/05/2022*

## LAMPIRAN A

### KATEGORI KUMPULAN SASAR INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
Asrama Akhlak	Asrama Akhlak adalah institusi yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memulihkan kanak-kanak terlibat jenayah dan tidak terkawal dengan mendidik mereka untuk membina sikap positif, membentuk peribadi kukuh dan melengkapkan diri dengan ketrampilan tertentu agar mampu hidup berdikari dalam masyarakat.	- Kanak-kanak berusia 10 tahun dan ke atas; - Kanak-kanak tidak terkawal; - Kanak-kanak yang antaranya terlibat dengan kesalahan selain jenayah berat, menyebabkan cedera parah, rogol, sumbang mahram, mencabul kehormatan dan lain-lain.
Bengkel Daya	Bengkel Daya adalah institusi yang menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar di samping memberi	- OKU warganegara Malaysia yang mengalami masalah pembelajaran atau fizikal; - Berdaftar dengan JKM; - Berumur 18 hingga 45

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
	latihan agar dapat berdikari serta meningkatkan kemahiran dalam bidang tertentu bagi mendapatkan peluang pekerjaan di pasaran lebih terbuka.	tahun; - Boleh berdikari; dan - Tiada penyakit berjangkit.
Desa Bina Diri	Desa Bina Diri adalah institusi yang ditubuhkan bagi memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada pengemis dan orang papa untuk melahirkan individu yang produktif dan berkemahiran ke arah perubahan sikap yang positif agar mampu diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.	- Warganegara Malaysia yang berumur 18 hingga 59 tahun; - Tiada penyakit berjangkit; - Tiada keluarga; dan - Tiada sumber pendapatan.
Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan adalah institusi yang ditubuhkan bagi memberi latihan kemahiran dan	- OKU yang mengalami masalah fizikal; - Berdaftar dengan JKM; - Berumur 18 hingga 40 tahun; - Berkelulusan SPM,

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
	pemulihan perubatan kepada OKU kategori fizikal bagi mendayaupayakan mereka ke tahap optimum dan produktif agar berdaya saing dalam pasaran kerja.	<p>PMR atau sekurang-kurangnya boleh membaca, menulis dan mengira;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkeupayaan mengurus diri; dan</li> <li>- Bebas daripada rekod penyalahgunaan dadah dan jenayah.</li> </ul>
Rumah Ehsan	Rumah Ehsan adalah institusi yang ditubuhkan bagi memberi jagaan, perlindungan dan rawatan jangka panjang kepada warganegara yang daif dan uzur dalam persekitaran yang selesa dan tenteram.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- warganegara Malaysia</li> <li>- Tidak berupaya mengurus diri sendiri (<i>bed ridden</i>);</li> <li>- Disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai penyakit melarat;</li> <li>- Tiada penyakit berjangkit;</li> <li>- Tiada waris atau penjaga; dan</li> <li>- Tiada sumber pendapatan atau tidak mampu menyara diri sendiri.</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
Rumah Kanak-kanak	Rumah Kanak-kanak adalah institusi Tempat Selamat yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memberi jagaan gantian dengan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental sihat dalam suasana keluarga harmoni.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak yang didera atau dicedera secara fizikal, emosional atau seksual;</li> <li>- Kanak-kanak yang terabai penjagaan, pengawasan dan pengawalan oleh ibu bapa atau penjaga;</li> <li>- Kanak-kanak tiada ibu bapa atau penjaga;</li> <li>- Kanak-kanak dibuang oleh ibu bapa;</li> <li>- Kanak-kanak yang terlibat dengan pengemisan, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jualan;</li> <li>- Kanak-kanak yang menjalankan penjajaan menyalahi undang-undang atau sebarang aktiviti mendatangkan kemudaratan kepada</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
		kanak-kanak tersebut.
Rumah Perlindungan <i>Anti Trafficking in Person</i> (ATIP) di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran	Rumah Perlindungan ATIP adalah institusi perlindungan kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan migran dalam kalangan kanak-kanak.	- Kanak-kanak yang menjadi mangsa pemerdagangan dan penyeludupan.
Rumah Seri Kenangan	Rumah Seri Kenangan adalah institusi yang ditubuhkan untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas daif bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Warga emas warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas;</li> <li>- Berupaya mengurus diri sendiri;</li> <li>- Tiada penyakit berjangkit;</li> <li>- Tiada waris;</li> <li>- Tiada sumber pendapatan atau tidak mampu menyara diri sendiri; dan</li> <li>- Tidak mempunyai</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
		tempat tinggal yang tetap.
Rumah Tunas Harapan	Rumah Tunas Harapan adalah rumah kanak-kanak berasaskan sistem berkeluarga yang berperanan memberi jagaan, perlindungan dan kasih sayang kepada kanak-kanak yang tidak dapat hidup bersama ibu bapa atau keluarga kandung.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak berusia 1 hingga 18 tahun;</li> <li>- Kanak-kanak memerlukan perlindungan;</li> <li>- Keutamaan adalah kepada kanak-kanak yang mempunyai adik beradik semasa di Rumah Kanak-kanak supaya mereka berpeluang membesar bersama di dalam sebuah keluarga; dan</li> <li>- Kanak-kanak tidak mempunyai penyakit kritis dan tidak banyak bermasalah dari segi sikap, kelakuan dan positif dalam pemikiran.</li> </ul>
Sekolah Tunas Bakti	Sekolah Tunas Bakti adalah institusi Sekolah Diluluskan yang	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak berusia 10 tahun dan ke atas;</li> <li>- Kanak-kanak yang</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
	<p>ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memulihkan kanak-kanak terlibat jenayah dengan mendidik mereka untuk membina sikap positif, membentuk peribadi kukuh dan melengkapkan diri dengan ketrampilan tertentu agar mampu hidup berdikari dalam masyarakat.</p>	<p>antaranya terlibat dengan kesalahan jenayah tidak daripada jenis yang serius.</p>
Taman Seri Puteri	<p>Taman Seri Puteri adalah institusi Tempat Perlindungan yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak dengan memupuk sikap serta nilai yang sesuai dengan norma</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak perempuan yang terdedah dengan bahaya moral seperti ancaman dan perbuatan berkaitan seks;</li> <li>- Kanak-kanak perempuan yang memerlukan perlindungan segera;</li> <li>- Kanak-kanak yang hamil anak luar nikah;</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
	masyarakat serta memberikan kemahiran yang bersesuaian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak yang didorong melakukan perbuatan seksual atau berada dalam suasana fizikal/ sosial yang membawa kepada perbuatan seksual;</li> <li>- Kanak-kanak yang tinggal atau mengunjungi mana-mana rumah pelacuran atau tempat berkira;</li> <li>- Kanak-kanak bersama-sama atau berada di bawah kawalan muncikari atau orang yang bekerja atau berkepentingan dalam urusan di rumah pelacuran atau berkaitan dengan pelacuran;</li> <li>- Kanak-kanak yang memohon perlindungan segera;</li> </ul>

KATEGORI INSTITUSI	KETERANGAN INSTITUSI	KATEGORI PENGHUNI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak diancam atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran/ bersetubuh dengan seseorang/ bagi apa-apa maksud lucah;</li> <li>- Kanak-kanak yang dikurung atau ditahan oleh seseorang lain.</li> </ul>
Taman Sinar Harapan	<p>Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberi penjagaan, pelindungan dan pemulihan kepada OKU pembelajaran sama ada yang boleh dilatih atau tidak boleh dilatih.</p> <p>Institusi akan menempatkan mereka mengikut kategori umur dan kebolehan untuk dilatih.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- OKU pembelajaran warganegara Malaysia;</li> <li>- Berdaftar dengan JKM; dan</li> <li>- Tiada penyakit berjangkit.</li> </ul>

## **LAMPIRAN B**

### **SENARAI TUGAS PENYELARAS PROGRAM TAKMIR**

Senarai tugas bagi penyelaras Program Takmir adalah seperti berikut:

- (i) Menyelaras taklimat awal berkaitan Institusi Kebajikan Masyarakat yang perlu diberi kepada Guru Takmir;
- (ii) Membuat semakan kehadiran Guru Takmir mengikut jadual kelas yang ditetapkan;
- (iii) Menyelaras urusan berkaitan Guru Takmir dengan JAIN/ Pejabat Agama Islam Daerah;
- (iv) Menyelaras pelaksanaan Program Takmir di peringkat Institusi Kebajikan Masyarakat;
- (v) Memastikan keselamatan Guru Takmir semasa Program Takmir diadakan;
- (vi) Menguruskan urusan pengesahan borang laporan mengajar program takmir di Institusi Kebajikan Masyarakat. Rujukan borang **(No. Ruj.Borang:Takmir – 02/2021)**;
- (vii) Menyediakan laporan bulanan Program Takmir dan menyerahkan kepada Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat. Format borang seperti di **Lampiran F**; dan

(viii) Melaporkan kepada Ketua Institusi Kebajikan Masyarakat sebarang insiden yang berlaku dengan segera semasa Program Takmir dilaksanakan.

## LAMPIRAN C

### CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM TAKMIR INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT

Cadangan bagi jadual pelaksanaan Program Takmir di Institusi Kebajikan Masyarakat adalah berikut:

(i) **Institusi Kebajikan Masyarakat Kumpulan A**

Hari/ Masa	9.00 am – 12.00 pm	2.00 pm – 5.00 pm	7.00 pm – 9.00 pm (Selepas maghrib)
Isnin- Jumaat	Program Institusi		Kelas Takmir (1-2 jam)
Sabtu & Ahad		Kelas Takmir (1-2 jam)/ Program Institusi	

Terpakai bagi Institusi Kebajikan Masyarakat di Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

(ii) **Institusi Kebajikan Masyarakat Kumpulan B**

Hari/Masa	9.00 am – 12.00pm	2.00pm – 5.00pm	7.00pm – 9.00pm (Selepas maghrib)
Ahad- Khamis	Program Institusi		Kelas Takmir (1-2 jam)
Jumaat & Sabtu		Kelas Takmir (1-2 jam) / Program Institusi	

Terpakai bagi Institusi Kebajikan Masyarakat di Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

## LAMPIRAN D

### BUKU RINGKASAN MENGAJAR INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT

MASA	Tarikh : Sila nyatakan tarikh	Hari : Sila nyatakan hari
Sila nyatakan masa mengajar dari jam berapa sehingga jam berapa	<p><b>1. Bidang/Tajuk :</b> Sila nyatakan bidang dan tajuk contohnya seperti Ibadah/ Pengertian Ibadah</p> <p><b>2. Objektif Pembelajaran :</b> Sila nyatakan objektif pembelajaran contohnya seperti menyebut dan memahami pembahagian Ibadah secara umum dan khusus</p> <p><b>3. Bilangan Penghuni :</b> Sila nyatakan bilangan penghuni yang menyertai Program Takmir seperti berikut:</p> <p>Lelaki : 5 Perempuan : 10 Jumlah : 15</p> <p><b>4. Bilangan Kakitangan :</b> Sila nyatakan bilangan kakitangan yang menyertai Program Takmir seperti berikut:</p> <p>Lelaki : 2 Perempuan : 1 Jumlah : 3</p> <p><b>5. Buku Rujukan :</b> Sila nyatakan buku rujukan yang digunakan contohnya seperti Indahnya Hidup Bersyariat</p> <p><b>6. Ulasan Hasil Pengajaran Guru Takmir:</b> Sila nyatakan ulasan hasil pengajaran berdasarkan kepada pemerhatian Guru Takmir</p> <p><b>7. Cadangan Penambahbaikan:</b> Sila nyatakan cadangan penambahbaikan oleh Guru Takmir berdasarkan kepada pemerhatian</p>	

- |  |  |
|--|--|
|  | <p><b>8. Nama Guru Takmir dan No. Tel :</b> Sila nyatakan nama dan nombor Telefon Guru Takmir</p> <p><b>9. Disahkan oleh :</b> Sila dapatkan pengesahan daripada Ketua/ Timbalan Institusi Kebajikan Masyarakat melalui cop rasmi dan tandatangan.</p> |
|--|--|

## LAMPIRAN E

### KURIKULUM PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (ASAS FARDHU AIN) DI INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
1	AKIDAH	<p><b>Pengenalan Akidah</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Takrif Akidah</li><li>▪ Akidah dalam al-Quran dan al-Sunnah</li><li>▪ Sumber Akidah</li></ul> <p><b>Kepentingan Akidah</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Peranan dan Kesan Akidah Islam</li><li>▪ Amalan Perkukuh Akidah</li><li>▪ Keindahan Akidah Islam</li></ul> <p><b>Konsep Tauhid As-Sami'yyat dan Al-Ghaibiyat</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pengertian al-Sami'yyat dan al-Ghaibiyat</li><li>▪ Dalil al-Sami'yyat dan al-Ghaibiyat</li><li>▪ Perkara al-Sami'yyat dan al-Ghaibiyat</li><li>▪ Keperluan Beriman dengan al-Sami'yyat dan al-Ghaibiyat</li></ul> <p><b>Iman, Islam dan Ihsan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Memahami Iman, Islam dan Ihsan</li><li>▪ Keistimewaan Islam, Iman dan Ihsan</li><li>▪ Kepentingan Iman, Islam dan Ihsan</li><li>▪ Hubungan Iman, Islam dan Ihsan</li></ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p><b>Rukun Iman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengenalan Rukun Iman</li> <li>▪ Dalil Rukun Iman</li> <li>▪ Senarai Rukun Iman</li> </ul> <p><b>Beriman kepada Allah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Beriman kepada Allah</li> <li>▪ Sifat Allah</li> <li>▪ Nama Allah</li> <li>▪ Kesan Beriman kepada Allah</li> <li>▪ Kalimah Syahadah</li> <li>▪ Peranan Kalimah Syahadah</li> <li>▪ Kesan penghayatan Kalimah Syahadah</li> </ul> <p><b>Beriman kepada Malaikat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep Beriman kepada Malaikat</li> <li>▪ Cara Beriman dengan Malaikat</li> <li>▪ Nama dan Tugas Malaikat</li> <li>▪ Hikmah Beriman kepada Malaikat</li> </ul> <p><b>Beriman kepada Rasul</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep Beriman kepada Rasul</li> <li>▪ Perbezaan Nabi dan Rasul</li> <li>▪ Sifat Rasul</li> <li>▪ Nabi dan Rasul dalam al-Quran</li> <li>▪ Rasul Ulul Azmi</li> <li>▪ Tugas Rasul</li> <li>▪ Hikmah Diutuskan Rasul</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fungsi Beriman kepada Rasul</li>   <b>Beriman kepada Kitab</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep Beriman kepada Kitab</li> <li>▪ Kitab Samawi</li> <li>▪ Hikmah Penurunan Kitab</li> <li>▪ Pengenalan al-Quran</li> <li>▪ Keistimewaan al-Quran</li> <li>▪ Muamalah dengan al-Quran</li> <li>▪ Adab Membaca al-Quran</li> </ul>   <b>Beriman kepada Hari Kiamat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep Beriman kepada Hari Kiamat</li> <li>▪ Beriman dengan Hari Akhirat</li> <li>▪ Nama Hari Kiamat</li> <li>▪ Tanda-tanda akan berlaku Hari Kiamat</li> <li>▪ Nama Syurga dan Neraka</li> <li>▪ Hikmah Dirahsiakan Kejadian Hari Kiamat</li> <li>▪ Kesan Beriman kepada Hari Kiamat</li> </ul>   <b>Beriman kepada Qada' &amp; Qadar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Konsep Beriman kepada Qada' dan Qadar</li> <li>▪ Jenis Takdir</li> <li>▪ Konsep Tawakal dan Redha</li> <li>▪ Kesan Beriman dengan Qada' dan Qadar</li> </ul> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p><b>Rukun Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengenalan Rukun Islam</li> <li>▪ Dalil Rukun Islam</li> <li>▪ Senarai Rukum Islam</li> </ul> <p><b>Perkara Merosakkan Akidah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Punca Rosak Agama</li> <li>▪ Dorongan Merosakkan Agama</li> <li>▪ Kesan Kerosakan Agama</li> <li>▪ Perbuatan Merosakkan Agama</li> <li>▪ Pengertian Murtad</li> <li>▪ Punca Murtad</li> <li>▪ Bentuk-bentuk Murtad</li> <li>▪ Kesan Murtad</li> <li>▪ Langkah Mengatasi Murtad</li> <li>▪ Pengertian Ajaran Sesat</li> <li>▪ Doktrin Ajaran Sesat</li> <li>▪ Faktor Mempengaruhi Ajaran Sesat</li> <li>▪ Kesan Ajaran Sesat</li> <li>▪ Langkah Menangani Ajaran Sesat</li> <li>▪ Pengertian Khurafat dan Azimat</li> <li>▪ Ciri-ciri Khurafat</li> <li>▪ Ciri-ciri Azimat</li> <li>▪ Hukum Khurafat dan Azimat</li> <li>▪ Punca Berlaku Khurafat dan Azimat</li> <li>▪ Kesan Amalan Khurafat dan Azimat</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
2	IBADAH	<p><b>Pengenalan Perintah Allah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perintah Allah</li> <li>▪ Perintah Allah yang perlu dilaksanakan</li> <li>▪ Larangan Allah yang perlu ditinggalkan</li> <li>▪ Hukum dalam Islam</li> </ul> <p><b>Taharah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian <i>Taharah</i></li> <li>▪ Alat <i>Taharah</i></li> <li>▪ Najis dan <i>Taharah</i></li> <li>▪ <i>Hadas</i> dan <i>Taharah</i></li> </ul> <p><b>Istinja'</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian <i>Istinja'</i> dan Hukumnya</li> <li>▪ Adab <i>Istinja'</i></li> </ul> <p><b>Haid</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Takrif Haid</li> <li>▪ Tempoh Haid</li> <li>▪ Masa suci</li> <li>▪ Perkara Haram kerana Haid</li> </ul> <p><b>Nifas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Takrif Nifas</li> <li>▪ Tempoh Nifas</li> <li>▪ Perkara Haram kerana Nifas</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p><b>Istihadah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Takrif Istihadah</li> <li>▪ Tempoh Istihadah</li> <li>▪ Isu Berkaitan Istihadah</li> </ul> <p><b>Wuduk</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian <i>Wuduk</i></li> <li>▪ Rukun <i>Wuduk</i></li> <li>▪ Sunat <i>Wuduk</i></li> <li>▪ Perkara Membatalkan <i>Wuduk</i></li> <li>▪ Perkara Makruh ketika <i>Wuduk</i></li> </ul> <p><b>Tayammum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian <i>Tayammum</i></li> <li>▪ Rukun <i>Tayammum</i></li> <li>▪ Syarat <i>Tayammum</i></li> <li>▪ Sunat <i>Tayammum</i></li> <li>▪ Perkara Membatalkan <i>Tayammum</i></li> </ul> <p><b>Mandi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Mandi Wajib</li> <li>▪ Sebab Mandi Wajib</li> <li>▪ Rukun Mandi Wajib</li> <li>▪ Sunat Mandi Wajib</li> <li>▪ Mandi Sunat</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p><b>Azan dan Iqamah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Azan</li> <li>▪ Syarat Sah Azan</li> <li>▪ Sunat Azan</li> <li>▪ Iqamah</li> </ul> <p><b>Solat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Solat</li> <li>▪ Pensyariatan Solat</li> <li>▪ Hikmah Pensyariatan Solat</li> <li>▪ Perkara Sebelum Mendirikan Solat</li> <li>▪ Syarat Wajib Solat</li> <li>▪ Syarat Sah Solat</li> <li>▪ Rukun Solat</li> <li>▪ Waktu Solat</li> <li>▪ Perbezaan Solat Lelaki dan Wanita</li> <li>▪ Perkara Sunat dalam Solat</li> <li>▪ Perkara Membatalkan Solat</li> <li>▪ Solat Jamaah</li> <li>▪ Solat Jamak dan Qasar</li> <li>▪ Pengenalan Solat Jumaat</li> <li>▪ Syarat Wajib Solat Jumaat</li> <li>▪ Syarat Sah Solat Jumaat</li> <li>▪ Rukun Khutbah Jumaat</li> <li>▪ Syarat Sah Khutbah Jumaat</li> <li>▪ Solat Sunat Istikharah</li> <li>▪ Solat Sunat Hajat</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Solat Sunat Taubat</li> <li>▪ Solat Sunat Tahajud</li> <li>▪ Solat Sunat Tarawih</li> <li>▪ Solat Sunat Hari Raya</li> </ul> <p><b>Puasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Puasa</li> <li>▪ Syarat Wajib Puasa</li> <li>▪ Perkara Membatalkan Puasa</li> <li>▪ Keuzururan untuk Berpuasa</li> <li>▪ Adab Puasa Ramadan</li> <li>▪ Hikmah Puasa</li> <li>▪ Pengertian Fidyah</li> <li>▪ Amalan Terbaik Bulan Ramadan</li> <li>▪ Puasa Ramadan</li> <li>▪ Puasa Qadha Ramadan</li> <li>▪ Puasa Sunat Isnin dan Khamis</li> <li>▪ Puasa Sunat Enam</li> <li>▪ Puasa Sunat Hari Arafah</li> <li>▪ Puasa Sunat Hari Tasu'a dan Asyura</li> </ul> <p><b>Zakat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Zakat</li> <li>▪ Pensyariatan Zakat</li> <li>▪ Jenis Zakat</li> <li>▪ Asnaf Penerima Zakat</li> <li>▪ Hikmah Zakat</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Implikasi Pengabaian Zakat</li> <li>▪ Perbezaan Zakat dan Sedekah</li>   <b>Haji dan Sembelihan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ibadah Haji</li> <li>▪ Sembelihan</li> </ul>   <b>Jenazah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan Jenazah</li> </ul> </ul>
3	AKHLAK	<p><b>Ihsan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Ihsan</li> <li>▪ Hubungan Ihsan dalam Kehidupan</li> <li>▪ Aspek Utama Ihsan</li> <li>▪ Kepentingan Ihsan dalam kehidupan</li> <li>▪ Kaedah Pelaksanaan Ihsan dalam Kehidupan</li> <li>▪ Implikasi Pengabaian Sifat Ihsan</li> <li>▪ Hubungan Ihsan dan Akhlak</li> </ul> <p><b>Pengenalan Akhlak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Akhlak Islam</li> <li>▪ Kepentingan Akhlak dalam Islam</li> <li>▪ Dalil Berkaitan Akhlak Islam</li> </ul> <p><b>Sifat Mahmudah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Taubat</li> <li>▪ Ikhlas</li> <li>▪ Sabar</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyayang</li> <li>▪ Menghormati</li> <li>▪ Amanah</li> <li>▪ Rendah Diri</li> <li>▪ Zuhud</li> <li>▪ Syukur</li> <li>▪ Khauf</li> <li>▪ Tawakal</li> <li>▪ Redha</li> </ul> <p><b>Sifat Mazmumah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tamak</li> <li>▪ Pemarah</li> <li>▪ Hasad</li> <li>▪ Khianat</li> <li>▪ Riak</li> <li>▪ Melakukan perkara tidak berfaedah (Lagha)</li> <li>▪ Pembazir</li> </ul> <p><b>Taubat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengertian Taubat</li> <li>▪ Syarat Taubat</li> <li>▪ Kelebihan Taubat</li> </ul> <p><b>Adab dalam Kehidupan Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Makan Minum</li> <li>▪ Adab Qada' Hajat</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Tidur dan Bangun Pagi</li> <li>▪ Adab Mandi dan Bersugi</li> <li>▪ Adab Berwuduk</li> <li>▪ Adab Berpakaian</li> <li>▪ Adab Berkenderaan</li> <li>▪ Adab Masuk dan Keluar Rumah</li> <li>▪ Adab Menghidang Makan dan Minum</li> <li>▪ Adab Berjalan</li> <li>▪ Adab Bertanya</li> <li>▪ Adab Mengurus Diri</li> </ul> <p><b>Adab dalam Keluarga</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Bercakap dengan Ibu Bapa</li> <li>▪ Adab Menolong Ibu Bapa</li> <li>▪ Adab Bergaul dengan Keluarga</li> <li>▪ Adab Seorang Isteri</li> <li>▪ Adab Suami dan Isteri</li> </ul> <p><b>Adab dalam Kehidupan Sosial</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Bergaul dengan rakan</li> <li>▪ Adab di Masjid dan Surau</li> <li>▪ Adab Bercakap dengan Rakan</li> <li>▪ Adab Melayan Tetamu</li> <li>▪ Adab dengan Orang Tua</li> <li>▪ Adab Ketika Bermain</li> <li>▪ Adab dengan Pemimpin</li> <li>▪ Adab Terhadap Tempat dan Harta Benda</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p>Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Menziarahi Orang Sakit, Rakan dan Orang Tua</li> <li>▪ Adab Berjiran</li> <li>▪ Adab Bermasyarakat</li> </ul> <p><b>Adab Menuntut Ilmu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab ke Tempat Menuntut Ilmu</li> <li>▪ Adab Belajar</li> <li>▪ Adab Semasa di Tempat Menuntut Ilmu</li> <li>▪ Adab Bercakap dengan Guru</li> <li>▪ Adab Menolong Guru</li> <li>▪ Adab Menjaga Harta Benda Awam</li> </ul> <p><b>Adab Doa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adab Memohon Doa</li> <li>▪ Waktu Mustajab Doa</li> <li>▪ Tempat Mustajab Doa</li> </ul> <p><b>Terapi Merawat Penyakit Rohani</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terapi Doa Selepas Wuduk</li> <li>▪ Terapi Doa Selepas Azan</li> <li>▪ Terapi Doa Selepas Solat</li> <li>▪ Terapi Doa Masuk Masjid</li> <li>▪ Terapi Doa Keluar Masjid</li> <li>▪ Terapi Doa Masuk Rumah</li> <li>▪ Terapi Doa Masuk Rumah</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terapi Doa Sebelum Tidur</li> <li>▪ Terapi Doa Bangun Tidur</li> <li>▪ Terapi Doa Sebelum Makan</li> <li>▪ Terapi Doa Selepas Makan</li> <li>▪ Terapi Doa Masuk Tandas</li> <li>▪ Terapi Doa Keluar Tandas</li> <li>▪ Terapi Zikir Selepas Solat</li> <li>▪ Terapi Zikir Munajat</li> <li>▪ Terapi al-Quran Selepas Maghrib</li> <li>▪ Terapi al-Quran Selepas Dhuha</li> <li>▪ Terapi al-Quran Sebelum Azan</li> <li>▪ Terapi al-Quran Sebelum Tidur</li> <li>▪ Terapi Selawat</li> <li>▪ Istighfar Selepas Buat Salah</li> <li>▪ Istighfar Sebelum Tidur</li> <li>▪ Istighfar Selepas Wuduk</li> <li>▪ Istighfar Selepas Selesai Majlis</li> </ul> <p><b>Adab Meraikan Hari Kebesaran Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ihya Ramadan</li> <li>▪ Nuzul al-Quran</li> <li>▪ Memperingati Badar Kubra</li> <li>▪ Hari Raya Aidil Fitri</li> <li>▪ Hari Raya Aidil Adha</li> </ul>

BIL	BAB	ISI PENGAJIAN
		<p><b>Rasulullah Contoh Tauladan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenali Rasulullah</li> <li>▪ Peristiwa dalam Hidup Rasulullah</li> <li>▪ Kisah-kisah Rasul dan Tauladan</li> </ul>
4.	<b>AL-QURAN</b>	<p><b>Pengenalan al-Quran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenali al-Quran</li> <li>▪ Kelebihan al-Quran</li> <li>▪ Adab dengan al-Quran</li> </ul> <p><b>Pengajian al-Quran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenali Huruf al-Quran</li> <li>▪ Mengeja Perkataan al-Quran</li> <li>▪ Membaca Ayat al-Quran</li> <li>▪ Menguasai Ilmu Tajwid</li> <li>▪ Memahami Isi al-Quran</li> <li>▪ Menghafaz al-Quran (Surah Pilihan)</li> </ul> <p><b>Asas Pelajaran Jawi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenal, Menyebut dan Menulis Jawi</li> <li>▪ Membaca dan Menulis Jawi</li> <li>▪ Seni Khat</li> </ul>

## RUJUKAN

Abdul Rahman Haji Mohd Adil. 2012. *Sejarah dan Keajaiban Gerak Dalam Solat*. Johor: Pustaka Azhar.

Abdul Wahab bin Mohd Saleh (pnyt.). 2013. *Mutiara Berharga Pada Menyatakan Aqidah Orang Yang Beriman*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdulfatah Haron Ibrahim. 2002. *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebatinan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Faizuri bin Abdul Latif & Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2012. Perbahasan Mengenai Sifat-sifat Allah SWT: Analisis Pemikiran Tuan Minal. *'Ulum Islamiyyah Journal*. 8: 41-57.

Jabatan Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah. 2001. *Rukun Iman*. Terj. Abdul Basit Bin Abdul Rahman. Madinah: Jabatan Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah. [https://d1.islamhouse.com/data/ms/ih\\_books/single/ms\\_Pillars\\_of\\_Eman.pdf](https://d1.islamhouse.com/data/ms/ih_books/single/ms_Pillars_of_Eman.pdf) [29 November 2018].

Jabatan Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah. 2003. *Rukun Islam*. Terj. Abdul Basit Bin Abdul Rahman. Madinah: Jabatan Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah. <https://islamhouse.com/ar/books/505/> [26 November 2018].

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008. *Garis Panduan Khurafat dan Azimat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.  
[http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis\\_panduan\\_khurafat\\_dan\\_azimat.pdf](http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis_panduan_khurafat_dan_azimat.pdf) [28 November 2018].

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.  
[http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis\\_panduan\\_pelaksanaan\\_ibadah\\_qurban.pdf](http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis_panduan_pelaksanaan_ibadah_qurban.pdf) [6 Disember 2018].

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Manual Kaunseling Syari'e*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Panduan Qiamullail*. Ed. Ke-13. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2017. *Modul Pembangunan Remaja*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2017. *Modul Pengukuhan Aqidah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. *Manual Pengurusan Haji Ifrad, Haji Tamattu' dan Haji Qiran*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

[http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/p\\_admin/file\\_upload/Manu al%20Haji\\_%20BPKA.pdf](http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/p_admin/file_upload/Manu al%20Haji_%20BPKA.pdf) [3 Januari 2019].

Lembaga Tabung Haji. 2007. *Panduan Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah*. Selangor: Lembaga Tabung Haji.  
<https://aburedza.files.wordpress.com/2011/07/panduan-ibadat-haji.pdf> [6 Disember 2018].

Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan & Kecelaruan*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor.  
<http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/penerbitan/426-ajaran-sesat-merungkai-kekusutan-dan-kecelaruan> [4 Disember 2018].

al-Mesawi, Mohamed al-Tahir. 2009. *Fenomena al-Quran (The Quranic Phenomenon)*. Terj. Rosiyah Abd Latif. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Mohd Nasir bin Masroom, Siti Norlina binti Muhammad & Siti Aisyah bt Panatik @ Abd Rahman. 2013. Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan kesihatan jiwa. Kertas kerja Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13). Anjuran Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Mara. Johor Bahru, 17-18 September.  
<https://www.researchgate.net/publication/315794770> [30 Januari 2019].

Muhammad bin Abdul Wahab (pnys.). 2010. *Mukhtasar Zadul Ma'ad Bekal Hidup Muslim*. Terj. Marsuni As-Sasaky. Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd.

Muhammad bin Ismail Daud Fatani. 1984. *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Hadi wa Auladuhu.

Muhammad Isa Selamat. 1995. *Sifat 20: Sifat-sifat Allah Dan Mentauhidkan Diri Kepada-Nya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.  
al-Nadwi, Ali Ahmad. 2000. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Ulum.

al-Qarni, Aidh Abdullah. 2007. Fiqhud Dalil: *Menguasai Dalil-dalil Fiqah*. Terj. Mohd Sofwan Amrullah. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (pnys.). 2017. *Matla' al-Badrain Panduan Lengkap Fiqh Sepanjang Zaman*. Jil. 1, 2 & 3. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Said bin Ibrahim. 1998. *Aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah.

Sulaiman Endut. 1995. *Asas-asas Fardhu Ain*. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Syed Sabiq. 1994. *Aqidah Islamiah*. Ed. Ke-2. Terj. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Yaasin, Muhammad Na'im. t.th. *Al-Iman: Arkanuhu, Haqiqatuhu, Nawaqidhuhu*. Mesir: Dar al-Tauzi' wa al-Nashar al-Islamiah.



LAPORAN MENGAJAR  
PROGRAM TAKMIR MASJID DAN SURAU

NAMA GURU :					
[Redacted]					
MASJID/AGENSI/SURAU I:					
BIL	TARIKH	MASA	SUBJEK YANG DIAJAR	KITAB/ RUJUKAN	BIL. KEHADIRAN
1					
2					
3					
4					
5					
TANDATANGAN			NAMA & JAWATAN @ COP RASMI		
[Redacted]			[Redacted]		

MASJID/AGENSI/SURAU II:					
BIL	TARIKH	MASA	SUBJEK YANG DIAJAR	KITAB/ RUJUKAN	BIL. KEHADIRAN
1					
2					
3					
4					
5					
TANDATANGAN			NAMA & JAWATAN @ COP RASMI		
[Redacted]			[Redacted]		

LAMPIRAN F

**LAPORAN BULANAN  
PROGRAM TAKMIR DI INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Nama Institusi : ...  
Bulan : ...

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

( Jawatan : Tarikh : )